

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 25/09/2017 |

Tujuh resolusi dilulus, sokong penuh Najib

BH- 25/9/2017 B.4

Kuala Lumpur: Perhimpunan Agung MIC Ke-71 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam meluluskan tujuh resolusi, termasuk menyokong penuh Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri.

Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri SK Devamany, ketika membacakan usul berkenaan, berkata Najib berjaya membawa kestabilan dan kemakmuran kepada negara khususnya masyarakat India melalui pelbagai inisiatif dan pembangunan sosioekonomi.

Percaya kepemimpinan PM

"Ini termasuk Plan Tindakan Masyarakat India Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri sendiri pada April lalu yang memanfaatkan kaum India khususnya dalam peningkatan ekonomi.

"Justeru, MIC menyokong dan percaya kepemimpinan Najib sebagai Perdana dalam mengemudi negara ke arah kecemerlangan dan disegani pada peringkat dunia," katanya.

Lima lagi usul adalah menyokong Datuk Seri Dr S Subramaniam sebagai Presiden MIC ke arah transformasi politik parti sejajar moto beliau 'Satu Suara, Azam Bersama'.

Info

Resolusi Perhimpunan Agung MIC Ke-71

- **Sokong** kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri.
- **Sokongan padu Datuk Seri Dr S Subramaniam** sebagai Presiden MIC.
- **Rukun Negara** sebagai teras pembangunan negara.
- **Pencegahan gejala** sosial.
- **Sistem pendidikan** untuk semua.
- **Perubahan landskap** politik kebangsaan.
- **Pemeriksaan keusahawanan** masyarakat India